

'Impian Negaraku' juara bengkel filem pendek

BH 14.9.2017 ✓ 11

Kota Kinabalu: Filem pendek berjudul 'Impian Negaraku' hasil karya produksi Sekolah Tinggi Kota Kinabalu muncul johan Bengkel Bikin Filem Pendek 2017 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Program anjuran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dengan kerjasama UMS dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu itu menyaksikan filem berkenaan mengatasi sembilan pesaing lain, sekali gus membawa pulang hadiah bernilai RM1,000.

Naib johan pula disan-

dang produksi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Likas melalui filem bertajuk 'Tanah Yang Dirindui', manakala tempat ketiga diraih produksi SM All Saints dengan karya 'Aku Negaraku'.

Sokongan padu

Tujuh produksi lain menerima hadiah sagu hati, iaitu Maktab Sabah, SMK Inanam, SMK Perempuan Likas, SMK Bandaraya, SMK Taman Tun Fuad, SMK Kolombong dan SMK Lok Yuk.


Hadiah disampaikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk

Seri Dr Salleh Said Keruak.

Dr Salleh dalam ucapan pada majlis itu berkata, kementerian bersama agensi di bawahnya sentiasa memberi sokongan padu terhadap aktiviti memartabatkan industri filem negara.

Beliau berkata, kira-kira RM400,000 dibelanjakan kerajaan untuk pelaksanaan pelbagai program berkaitan yang memanfaatkan 5,000 peserta di Sabah, tahun lalu.

"Program itu merangkumi seni persembahan, penulisan skrip, penerbitan filem, pengarahannya, kesan khas dan animasi," katanya.



Dr Salleh (lima dari kiri) menyampaikan hadiah kepada johan Bengkel Bikin Filem Pendek 2017.